

31/08/1998

Malaysia yakin alasan PM diterima

Mustapa Omar in Afrika Selatan

DURBAN, Ahad - Malaysia yakin Afrika Selatan dapat menerima penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai keputusannya tidak hadir pada Sidang Puncak Pergerakan Berkecuali (NAM) di sini bermula Selasa ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk N Parameswaran, berkata Perdana Menteri sudah memaklumkan mengenai ketidakhadirannya kepada Presiden Mandela menerusi surat yang diserahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Pretoria, Datuk Abdul Kadir Deen.

Semalam, Dr Mahathir berkata, banyak perkara yang perlu dilakukan dan beliau juga keletihan selepas mengadakan siri lawatan ke negeri bagi menjelaskan masalah ekonomi yang dihadapi negara.

Berikutan ketiadaan Dr Mahathir, pemimpin tertinggi mewakili Asean pada persidangan kali ini ialah Presiden Vietnam, Tran Duc Luong. Sebelum ini, Presiden B J Habibie dari Indonesia turut menyatakan tidak dapat hadir.

Pemimpin Asean lain iaitu Goh Chok Tong (Singapura), Joseph Estrada (Filipina), Chuan Lekpai (Thailand) dan Sultan Hasanal Bolkiah (Brunei), sejak awal lagi menyatakan tidak dapat hadir.

Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif, salah seorang tokoh penting membabitkan isu nuklear, turut menarik diri. Beliau sepatutnya mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri India, Atal Behari Vajpayee, di sini. Kedua-dua negara itu mengadakan percubaan senjata nuklear Mei lalu.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini, Parameswaran berkata, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengetuai delegasi Malaysia dan membacakan teks ucapan Dr Mahathir pada sidang puncak itu.

Menurutnya, walaupun Perdana Menteri tidak hadir, isu krisis kewangan tetap dibincangkan kerana masalah itu bukan hanya membabitkan Malaysia dan negara Asia, malah Afrika Selatan sendiri menghadapi masalah serupa.

Beliau berkata, Mesyuarat Peringkat Menteri Biro Penyelarasan NAM di Cartagena, Colombia Mei lalu turut memasukkan soal krisis kewangan dalam draf dokumen akhir yang akan diputuskan pada sidang kali ini.

"Mungkin isu berkenaan tidak dibincangkan secara panjang lebar, tetapi kita percaya ia akan dibincangkan oleh jawatankuasa ekonomi dan dimasukkan dalam dokumen akhir nanti.

"Beberapa isu yang mendapat tumpuan ialah soal keganasan termasuk serangan bom oleh Amerika Syarikat ke atas Sudan dan Afghanistan serta perkembangan baru dalam isu Lockerbie membabitkan Libya," katanya.

Mengenai mesyuarat peringkat pegawai tinggi (SOM) yang bermula semalam, Parameswaran berkata, dua jawatankuasa ditubuhkan bagi membincangkan isu ekonomi dan politik.

Bagaimanapun, katanya, belum ada apa-apa persetujuan dicapai dan mesyuarat berjalan lancar.

Menurutnya, sebuah jawatankuasa kecil yang dianggotai India, Pakistan dan Afrika Selatan turut ditubuhkan bagi membincangkan isu senjata nuklear dan hasilnya akan dirujuk kepada mesyuarat peringkat menteri luar bermula esok.

Katanya, pegawai kanan NAM juga akan mencadangkan kemasukan Belarus sebagai anggota ke-114 pergerakan itu.

(END)